

13/04/1997

Gemuruhnya tepukan Tok Arab

ALKISAHNYA, teman sempat mendengar ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari pembukaan Forum Ekonomi Teluk di Bahrain, baru-baru ini. Dr Mahathir adalah antara tokoh Asia yang dijemput berucap di forum itu.

Seingat teman, inilah kali pertama, Perdana Menteri menyampaikan ucapan sedemikian di negara itu. Walaupun penyampaiannya tidaklah berapi-api seperti Sukarno, mesej Dr Mahathir tetap bernas dan mantap.

Walaupun menghidap selesema dan batuk sedikit, ucapan Dr Mahathir di Bahrain itu tetap menarik perhatian hadirin. Malah ucapan beliau yang agak panjang itu didengar dengan khusyuk. Dan teman tengok tak ada tok Arab yang meninggalkan dewan.

Tidak hairanlah sesudah menyampaikan ucapan, tepukan tok Arab amat kuat. Mungkin telapak tangan mereka besar tetapi apabila bertepuk sambil bangun berdiri, itu tandanya mereka cukup puas. Standing ovation kata orang putih.

Untuk dapatkan reaksi, teman tanyalah beberapa tok Arab yang hadir. Tidak ada yang kata ucapan tu tak baik. Malah semua yang teman temui dan tanya kata ucapan seperti itu sudah lama mereka tak dengar.

"Ucapan Dr Mahathir tu bagaikan tiupan semangat kepada kami. Sudah agak lama kami tak dengar ucapan sedemikian. Ia menambah keyakinan kami bahawa Asia boleh jadi rantau cemerlang. Kami percaya akan kata-kata Dr Mahathir itu kerana beliau sudah membuktikannya dengan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia," kata seorang hadirin dari Bahrain.

Begitulah hebat dan berkesannya ucapan Dr Mahathir. Walaupun disulam dengan sedikit jenaka, ia tetap jitu. Teman harap ia tidak hanya meninggalkan kesan kepada tok Arab, malah mengubah sedikit pandangan mereka terhadap negara Asia Timur di samping memperkukuh jalinan kerjasama negara-negara Islam.

(END)